

## **PMX Merasmikan Majlis Perlepasan Jelajah ke Zon Pantai Timur Proton e.MAS MISI 5 Menjelang Pelancaran Suku Keempat 2025**

*Proton e.MAS 5 Kini ke Negeri Kelantan, Terengganu & Pahang*

**TANJUNG MALIM, 8 September 2025** – Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan pelepasan Jelajah Proton e.MAS MISI 5 di Pantai Timur, menandakan satu penanda aras dalam usaha memperkenalkan Proton e.MAS 5, kereta elektrik sepenuhnya pertama yang ditawarkan pada harga mampu milik untuk rakyat Malaysia.

Majlis pelepasan berlangsung sejurus selepas Perdana Menteri merasmikan kilang EV baharu Proton di Tanjung Malim, sekali gus menekankan komitmen Kerajaan untuk menyokong peralihan Malaysia ke arah mobiliti lestari.

Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET berkata, "Kami amat berbesar hati kerana YAB Perdana Menteri sendiri merasmikan perlepasan Jelajah MISI 5 ini. Sokongan beliau jelas menunjukkan bahawa Proton e.MAS 5 bukan sekadar kereta elektrik mampu milik pertama daripada Proton, tetapi benar-benar sebuah kereta EV untuk rakyat. Detik ini menjadi langkah penting dalam perjalanan Malaysia menuju era mobiliti lestari."

Selepas siri jelajah di Lembah Klang dan bahagian Utara pada bulan Ogos yang lalu, Proton e.MAS Tour MISI 5 diteruskan ke Pantai Timur dari 5 hingga 7 September, merangkumi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sepanjang siri ini, orang ramai berpeluang merasai sendiri pengalaman bersama e.MAS 5 di tiga bilik pameran Proton e.MAS serta sembilan lokasi tumpuan komuniti antaranya Kopitiam Kita di Kelantan, Pasar Payang di Terengganu dan Pantai Teluk Cempedak di Pahang. Sentuhan komuniti ini memberi peluang kepada penduduk untuk melihat bagaimana mobiliti elektrik boleh menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka.

Negeri di Pantai Timur dilihat sebagai kawasan yang berpotensi besar untuk penerimaan kenderaan elektrik, memandangkan kebanyakan isi rumah tinggal di kediaman bertanah yang memudahkan pemasangan pengecas di rumah. Dengan perjalanan harian yang lebih pendek dan kesesakan trafik yang rendah, EV mampu beroperasi dengan lebih cekap di kawasan ini, sekali gus membantu keluarga berjimat dalam kos penggunaannya.

Proton e.MAS 5 akan dilancarkan secara rasmi pada suku keempat 2025 dan bakal ditawarkan dalam dua varian, dengan harga dijangka bermula bawah RM100,000.

### **Ikuti Perkembangan Terkini Proton e.MAS 5**

Layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut.

-Tamat-

### **Mengenai Proton e.MAS**

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sebuah sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Sebagai peneraju dalam pembangunan ekosistem EV dan pemacu utama kepada penerimaan kenderaan elektrik di negara ini, Proton e.MAS komited memimpin peralihan ke arah mobiliti lestari dengan berlandaskan inovasi dan kecemerlangan. Dengan rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh serta ekosistem yang kukuh, Proton e.MAS memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Selaras dengan misi syarikat induk, PROTON, Proton e.MAS berpegang kepada semangat INSPIRE CONNECTIONS dengan menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan serta piawaian antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: [christopher@proton.com](mailto:christopher@proton.com)

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: [menuka.vejasegaran@h-advisors.global](mailto:menuka.vejasegaran@h-advisors.global)